



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.20 (34)  
Tarikh : 12 Oktober 2025

**Semua Pengetua dan Guru Besar  
Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu**

Tuan,

**MAKLUMAN & PERINGATAN: PENUBUHAN KELAB PENCEGAHAN JENAYAH (KPJ) DI  
SEKOLAH TAHUN 2026**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa semua sekolah adalah DIWAJIBKAN menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) mulai sesi persekolahan tahun 2026, selaras dengan arahan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1993: Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di Sekolah dan diperkukuhkan melalui garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia hasil kerjasama strategik bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

3. Penubuhan KPJ ini bertujuan:

- a. Memberi pendidikan pencegahan jenayah kepada murid.
- b. Membentuk sahsiah murid yang berdisiplin serta mematuhi undang-undang.
- c. Meningkatkan kesedaran tentang isu keselamatan, buli, salah laku jenayah, dadah, vape, dan jenayah siber.
- d. Mengukuhkan jalinan kerjasama antara sekolah dan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) PDRM.

4. Sehubungan itu, setiap sekolah WAJIB:

- a. Menubuhkan KPJ secara rasmi dalam mesyuarat agung kokurikulum awal tahun.
- b. Melantik Guru Disiplin sekolah sebagai Guru Penasihat KPJ.
- c. Menyediakan perancangan aktiviti tahunan KPJ (minimum 2 program utama setahun, dengan penglibatan PPS PDRM).
- d. Mengemaskini data penubuhan KPJ dalam APDM – Modul Kokurikulum untuk tujuan pemantauan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan KPM.

5. Kerjasama dan komitmen pihak tuan/puan dalam melaksanakan arahan ini amatlah dihargai demi memastikan usaha pencegahan jenayah dalam kalangan murid dapat dilaksanakan secara menyeluruh, sistematik, dan berkesan.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila berhubung dengan **YM Tengku Mohd Majid bin Tunku Mahmud, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid** dan boleh dihubungi di talian 09-6213200 / 019-2637950.

...2/-

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**KAMSAH @ KAMAL BIN MOHAMED, P.J.C**  
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.

Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembangunan Murid

- Makluman tuan